

الحديث

TINGKATAN 4

فهرس

- 1 الحديث الثاني : التحذير من سباب المسلم وقتاله
- 5 الحديث الرابع : اجتناب المحرمات
- 10 الحديث السابع : انصر أخاك ظالماً أو مظلوماً
- 14 الحديث التاسع : الإصلاح بين الناس
- 18 الحديث العاشر : خلق الحياء
- 21 الحديث الثاني عشر : عقوبة قطع الرحم
- 24 الحديث الثالث عشر : من علامات الإيمان
- 29 الحديث الخامس عشر : قيمة الأخوة الإيمانية
- 33 الحديث الثامن عشر : إرشادات نبوية
- 37 الحديث العشرون : مِنْ أَحَبِّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى
- 40 حديث الرابع والعشرون : فضل بناء المساجد
- 46 الحديث الخامس والعشرون : مراعاة أحوال المؤمنين في الصلاة

ANCAMAN AGAR TIDAK MENGHINA ORANG ISLAM DAN MEMBUNUHNYA

Daripada Abdullah bin Mas'ud r.a bahawa Nabi saw bersabda: Mencela seorang muslim adalah perbuatan fasik dan memerangnya termasuk perbuatan kufur. (Hadis riwayat Bukhari dalam kitab Sahihnya)

Biodata Prawi Hadis:

Beliau ialah Abdullah bin Mas'ud bin Ghafil bin Habib Al-Huzali, Abu Abdul Rahman, antara yang terawal memeluk Islam dan orang pertama yang membaca Al-Qur'an dengan lantang di Makkah, tempat rahsia Nabi saw, pembawa kayu Siwak dan capal baginda. Beliau meninggal pada tahun 32 Hijrah ketika berusia 60 tahun lebih.

Perbendaharaan kata:

(سباب المسلم) Menghinanya dan bercakap tentang kehormatannya dengan perkara yang mengaibkan dan menyakitinya.

(فسوق) Kejahatan dan menyimpang dari kebenaran.

(قتاله) seorang Muslim memerangi seorang Muslim lain dan mengangkat senjata melawannya tanpa hak.

Perbahasan bahasa arab:

(سباب) adalah kata terbitan dengan erti "penghinaan" yang disandarkan kepada orang yang dihina. Satu pendapat mengatakan: Ianya bermaksud saling bertindak balas seperti pergaduhan, iaitu hina menghina antara keduanya adalah sifat fasik.

الحديث الثاني : التحذير من سباب المسلم وقتاله

عن عبد الله بن مسعود رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: سِبَابُ الْمُسْلِمِ فُسُوقٌ، وَقِتَالُهُ كُفْرٌ. (أخرجه البخاري في صحيحه)

التعريف براوي الحديث:

هو عبد الله بن مسعود بن غافل بن حبيب الهذلي، أبو عبد الرحمن، من السابقين إلى الإسلام وأول من جهر بالقرآن بمكة، صاحب سر النبي صلى الله عليه وسلم وسواكه ونعله، توفي سنة اثنتين وثلاثين (٣٢ هـ) عن بضع وستين سنة.

معاني المفردات:

سباب المسلم: أي شتمه، والتكلم في عرضه بما يعيبه ويؤلمه.

فسوق: فجور وخروج عن الحق.

قتاله: أي مقاتلة المسلم للمسلم، وحمل السلاح عليه بدون حق.

المباحث العربية:

سباب: مصدر بمعنى السب يضاف لمفعوله. وقيل: يقتضي المفاعلة مثل القتال أي تشاتمها فسوق.

HURAIAN HADIS

Kufur: hakikatnya dan perkara yang dimaksudkan dalam hadis ini

Bukanlah yang dimaksudkan dengan kufur yang sebenar, iaitu keluar daripada agama Islam, malah ia disebut sedemikian sebagai satu ancaman yang begitu berat. Ini bersandarkan pada apa yang telah diputuskan dalam kaedah usul bahawa tidak menjadi kufur melakukan perkara seumpama in. Atau ungkapan ini diungkapkan kerana menyerupai perbutan kufur; kerana memerangi orang Islam adalah tindakan orang kafir.

Satu pendapat menyatakan: Perkara ini membawa kepada kekufuran kerana keburukannya, atau ia seperti perbuatan orang-orang kafir.

Pendapat lain pula mengatakan: Maksud dengan kufur ini ialah kufur kepada Allah swt, dan perkara tersebut bagi orang yang melakukannya, halal tanpa sebab, dan tanpa sebab.

Nyawa orang Islam dan haram membunuhnya, serta balasan terhadap orang yang melakukannya

Pembunuhan adalah lebih teruk daripada menghina, kerana ia membawa kepada kehilangan nyawa lalu diungkapkan dengan perkataan “lebih buruk” daripada perkataan fasik, iaitu perkataan kufur. Islam memberi amaran supaya tidak membunuh orang Islam tanpa kebenaran kerana besar haknya. kehormatannya, Firman Allah swt: “Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, kekal ia di dalamnya, dan Allah murka kepadanya, dan melaknatkannya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar.” (An-Nisa: 93)

Tirmizi meriwayatkan dengan sanad yang baik dari Abdullah bin Amru bin Al-Aas bahawa Nabi saw bersabda: Sesungguhnya kehancuran dunia itu lebih mudah bagi Allah daripada membunuh seorang Islam - iaitu tanpa kebenaran.

الشرح

(١) الكفر: حقيقته والمراد به في الحديث

ليس المراد بالكفر حقيقته التي هي الخروج عن الملة، بل أُطْلِقَ عليه ذلك مبالغةً في التحذير، معتمدًا على ما تقرر من القواعد على عدم كفره بمثل ذلك، أو أطلقه عليه لشبهه به؛ لأن قتال المسلم من شأن الكافر.

وقيل: إنه يؤول إلى الكفر لشؤمه، أو أنه كفعل الكفار.

وقيل: المراد به الكفر بالله تعالى، وأن ذلك في حق من فعله مستحلاً بلا موجب، ولا سبب.

(٢) النفس المسلمة وحرمة قتلها، وجزاء من فعله

لما كان القتال أشد من السباب حيث يفضي إلى إزهاق الروح عبر عنه بلفظ أشد من لفظ الفسق وهو الكفر، وقد حذر الإسلام من قتل المسلم بغير حق لعظيم حقه وحرمته فقال عز من قائل: ﴿ وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا عَظِيمًا ﴾ (سورة النساء: ٩٣)

وروى الترمذي بسند حسن عن عبد الله بن عمرو بن العاص أن النبي ﷺ قال: لزوال الدنيا أهون على الله من قتل رجل مسلم — أي بغير حق.

Hadis ini menjadi dalil bagi menolak pendapat beberapa kumpulan

Dalam hadis ini, terdapat hujah menolak golongan Murji'ah yang berpendapat bahwa pelaku dosa besar bukan fasik, kerana kemaksiatan tidak memudaratkan iman sebagaimana ketaatan tidak bermanfaat dengan kekufuran, Mereka dinamakan sebagai Murji'ah kerana mereka mengasingkan amal dari iman, daripada perkataan (الإرجاء) iaitu menangguhkan. Lalu tidak memberi kesan dosa dengan adanya iman. Hadis ini juga tidak menguatkan pendapat golongan Khawarij yang mengkafirkan orang yang melakukan kemaksiatan; kerana telah dijelaskan sebelum ini bahawa perkara tersebut bukanlah yang dimaksudkan dalam hadis ini.

Pengajaran hadis:

- 1- Nabi saw begitu perihatin untuk mendidik umatnya.
- 2- Hadis ini bukan memberi maksud mengkafirkan seorang Muslim; Kerana hukum kufur itu adalah perkara yang sangat besar. Allah swt telah memperingatkan kita tentang perkara tersebut dan melarang terlalu cepat menghukum atau menetapkannya kecuali setelah dipastikan sebab-sebabnya. Ini kerana sekiranya seseorang itu melakukan kesalahan dalam memberi pengampunan adalah lebih baik daripada melakukan kesalahan dalam menjatuhkan hukuman.
- 3- Mengkufurkan selepas ada sebab-sebabnya dan tiada penghalangnya, itu adalah bidang kuasa mahkamah Syariah sahaja, ianya bukan hak kumpulan agama atau individu, mahupun imam dan pendakwah.
- 4- Kedudukan seorang Muslim dan haram membunuh atau mendorong kepada perkara tersebut.
- 5- Amaran terhadap orang yang membunuh seorang Muslim secara zalim.
- 6- Wajib memelihara nyawa manusia, kerana Allah murka dan laknat terhadap orang yang membunuh atau mencederakannya.

(۳) استدلال بالحديث في الرد على بعض الفرق

وفي الحديث الرد على المرجئة القائلين بأن مرتكب الكبيرة غير فاسق، فلا يضر مع الإيمان معصية كما لا ينفع مع الكفر طاعة، وسُمُّوا بالمرجئة؛ لأنهم أخروا الأعمال عن الإيمان، من الإرجاء وهو التأخير، أي فلا يُحذَر من المعاصي مع حصول الإيمان، ولا يُفهم من الحديث تقوية مذهب الخوارج الذين يُكْفَرُونَ بالمعاصي؛ لأنه سبق أن ظاهره غير مراد.

ما يرشد إليه الحديث:

- 1- حرص النبي ﷺ على تعليم أمته.
- 2- لا يفهم من الحديث تكفير المسلم؛ لأن الحكم بالكفر أمر جد خطير، وقد حذرنا الله تعالى منه، ونهى عن التعجل به أو إقراره إلا بعد التأكد من أسبابه فالأَنْ يُخْطِئَ الإنسان في العفو خير من أن يخطئ في العقوبة.
- 3- التكفير بعد قيام أسبابه، وانتفاء موانعه من حق القضاء الشرعي فقط، وليس من حق الجماعات الدينية أو الأفراد ولا الأئمة والدعاة.
- 4- منزلة المسلم وحرمة قتله أو التحريض عليه.
- 5- التحذير من قتل المسلم بغير حق.
- 6- وجوب المحافظة على النفس البشرية، لغضب الله ولعنه من قتلها أو آذاها.

الأسئلة:

- ١- بين معاني الكلمات الآتية :
(سباب المسلم - فسوق - قتاله)
- ٢- ما المراد بالكفر الوارد في الحديث؟ ولماذا عبر بالكفر عن القتال؟
- ٣- اشرح الحديث بأسلوبك.
- ٤- اذكر ما يرشد إليه الحديث، وكيف ترد بالحديث على المرجئة؟

MENJAUHI PERKARA YANG HARAM

Dari Abu Hurairah r.a dari Nabi SAW bersabda: “Jauhilah tujuh perkara yang membinasakan”. Para sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah itu? Baginda bersabda: “Syirik kepada Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan hak, makan riba, makan harta anak yatim, lari dari medan peperangan dan menuduh wanita mukminah yang suci berbuat zina”.

Biodata Perawi Hadis:

Beliau ialah Abdullah atau Abdul Rahman bin Sakr al Dusi, Nabi saw menggelarnya dengan Abu Hurairah ketika baginda melihatnya menggendong anak kucing di lengan bajunya. Beliau telah memeluk Islam pada tahun peperangan Khaibar iaitu tahun (7 Hijrah). beliau sentiasa bersama Rasulullah saw. kerana begitu suka kepada ilmu, Nabi saw mendoakanmya sehingga beliau memiliki ingatan yang kuat, beliau adalah sahabat yang paling banyak meriwayatkan hadis, meninggal dunia di Madinah pada tahun 59 Hijrah. Umurnya 78 tahun.

Perbendaharaan kata:

(اجتنبوا) : Hendaklah kamu jauhi dan tinggalkan

(الموبقات) : Perkara-perkara yang membinasakan

(الشرك بالله) : Menjadikan tuhan lain sekutu dengan Allah swt

الحديث الرابع: اجتناب المحرمات

عن أبي هريرة رضي الله عنه ، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: اجتنبوا السبع الموبقات، قالوا: يا رسول الله وما هن؟ قال: الشرك بالله والسحر، وقتل النفس التي حرم الله إلا بالحق، وأكل الربا، وأكل مال اليتيم، والتولي يوم الزحف وقذف المحصنات المؤمنات الغافلات.

التعريف براوي الحديث:

هو عبد الله أو عبد الرحمن بن صخر الدوسي، كناه النبي صلى الله عليه وسلم بأبي هريرة حين رآه يحمل هرة - قطة في كفه، أسلم عام غزوة خيبر سنة سبع (٧ هـ) وواظب على ملازمته للنبي صلى الله عليه وسلم رغبة في العلم، فدعا له النبي صلى الله عليه وسلم، لذا كان ذا حافظة ذكرة ضابطة، أكثر الصحابة رواية للحديث ، توفي بالمدينة سنة ٥٩ وعمره ثمان وسبعون سنة.

معاني المفردات:

اجتنبوا : ابتعدوا واتركوا

الموبقات : المهلكات

الشرك بالله : بأن يتخذ معه إلها غيره

(السحر): dari sudut bahasa memesongkan sesuatu dari hadapannya. Digunakan untuk perkara yang terjadi dengan cara tipu daya dan khayalan yang bukan sebenar seperti apa yang dilakukannya tukang sihir yang mengalihkan pandangan mata dari apa yang dipersembahkan kerana kepantasan tangannya

(الربا) : dari segi bahasa: pertambahan seperti pertukaran satu dirham dengan dua dirham. Dimaksudkan dengan “memakan riba”: mengamalkannya dengan mengambil atau memberi riba.

(اليتيم): seseorang yang kematian bapanya sedangkan ia belum sampai umur

(التولي يوم الزحف): melarikan diri dari medan peperangan

(قذف المحصنات): iaitu menuduh perempuan yang suci berzina. (): perempuan-perempuan yang suci

(الغافلات): perempuan yang menjauhi kejahatan, atau perbuatan zina yang dinisbahkan kepada mereka

Perbahasan bahasa:

(المحصنات) adalah *isim maf'ul* daripada perkataan (أحصن) iaitu orang yang dilindungi oleh Allah swt dan memelihara mereka daripada perbuatan zina.

Rahsia Dan hukum yang terdapat pada perkataan nabi saw yang tidak ada pada kata-kata orang lain. Maksud “Memakan Harta Anak Yatim”.

Nabi saw menggunakan di dalam hadis ini perkataan: (اجتنبوا) bukan perkataan (اتركوا) adalah untuk lebih menjauhi dan ini lebih jelas. Menyifatkan dosa besar itu sebagai perkara yang membinasakan, kerana ia adalah sebab binasa pelakunya.

السحر : هو لغة صرف الشيء عن وجهه، ويطلق على ما يقع بخداع وتخييلات لا حقيقة لها نحو ما يفعله الساحر من صرف الأبصار عما يتعاطاه خلفه يده
الربا : لغة: الزيادة كمبادلة درهم بدرهمين، والمراد بأكله : تعاطيه بالأخذ، أو الإعطاء

اليتيم : هو الذي مات أبوه وهو دون البلوغ

التولي يوم الزحف : الفرار من القتال

قذف المحصنات : أي: رميهن بالزنا، والمحصنات : العفيفات

الغافلات : عن الفواحش، أو عما نسب إليهن من الزنا

المباحث العربية:

المحصنات : اسم مفعول من "أحصن" أي التي أحصنهن الله، ويحفظهن عن الزنا.

الشرح

(١) أسرار وحكم في اللفظ النبوي دون غيره، والمراد بأكل مال اليتيم

عبر النبي ﷺ في هذا الحديث بقوله: "اجتنبوا" دون قوله: "اتركوا" زيادة في الابتعاد وهو أبلغ، ووصف الكبائر بالمهلكات؛ لأنها سبب لإهلاك مرتكبها.

Maksud “memakan harta anak yatim”: menguasai hartanya, bukan hanya khusus memakannya sahaja. menggunakan istilah “makan”; kerana itu kebiasaan yang berlaku.

Maksud “menuduh wanita yang suci berzina”

Maksud (قذف المحصنات): menuduh mereka berzina sahaja. Tuduhan selain daripada zina seperti menuduh mencuri, persaksian dusta dan lain-lain maka perbuatan itu adalah haram, tetapi ia bukanlah yang dimaksudkan dalam hadis ini dan tidak termasuk juga dalam hadis ini menuduh perempuan yang telah berkahwin berzina, tetapi ianya berkaitan hukum anak dara. inilah yang disepakati ulamak. Begitu juga haram menuduh lelaki yang suci berzina, sebagaimana haram menuduh wanita yang suci berzina. Wanita suci itu disifatkan sebagai orang yang lalai kerana besarnya dosa tersebut. ianya bukan satu ikatan dan tujuannya sebagai pencegahan daripada membolehkan menuduh perempuan yang bukan bersifat (الغافلات)

Adakah bilangan ini yang dimaksudkan dalam hadis

Bilangan dalam hadis ini bukanlah yang dimaksudkan; Kerana disebut 7 perkara itu tidak menafikan bilangan itu lebih daripada 7. Dalam hadis-hadis lain disebutkan perkara-perkara lain yang membinasakan selain daripada apa yang disebutkan dalam hadis ini, antaranya: zina dengan isteri jiran, derhaka kepada ibu bapa, sumpah palsu, penyaksian palsu, kufur di tanah suci, minum arak, mencuri, mengumpat, mengadu domba dan banyak lagi selain daripada apa yang telah dinyatakan itu.

المراد بأكل مال اليتيم: الاستيلاء على ماله لا قصد تخصيص الأكل فقط، وعبر عنه بالأكل؛ لأنه الغالب.

(٢) المقصود بقذف المحصنات

المراد بقذف المحصنات : رميهن بالزنا خاصة، أما القذف بغير الزنا كالرمي بالسرقة، وشهادة الزور، وغير ذلك فهو حرام، لكنه ليس المراد في الحديث، ولا يختص القذف بالمتزوجات بل حكم البكر كذلك بالإجماع، وكذلك يحرم قذف المحصن من الرجال كما يحرم قذف المحصنات من النساء، والوصف بالغافلات؛ لتغليظ الذنب، وليس قيذا للاحتراز يبيح قذف غير الغافلات.

(٣) هل العدد مراد في الحديث

ليس مفهوم العدد مرادا في هذا الحديث؛ لأن التنصيص على سبع لا ينافي الزيادة عليها؛ فقد جاء في أحاديث أخرى ذكر موبقات غير ما جاء في هذا الحديث منها: الزنا بحليلة الجار، وعقوق الوالدين، واليمين الغموس، وشهادة الزور، والإلحاد في الحرم، وشرب الخمر والسرقة والغيبة والنميمة، وكثير غير ما ذُكر.

Pengajaran hadis:

1. Rasulullah saw sangat mengambil berat dalam mendidik umatnya.
2. Dosa membawa kebinasaan kepada pelakunya di dunia dan akhirat.
3. Menyebut bilangan terlebih dahulu sebelum memperincikannya; adalah untuk menarik perhatian pendengar supaya mengetahui butiran perkara tersebut.
4. Memberatkan pengharaman terhadap ahli sihir kerana ianya dikaitkan dengan syirik.
5. Memberatkan pengharaman perbuatan membunuh nyawa secara zalim.
6. Amaran terhadap orang yang memakan harta anak yatim secara zalim.
7. Larangan memakan riba.
8. Mengelakan daripada berpaling dan melarikan diri ketika berhadapan dengan musuh.
9. Larangan memfitnah wanita yang suci dan seumpamanya, serta menuduh mereka tanpa bukti.

ما يرشد إليه الحديث:

١. حرص النبي ﷺ على تعليم أمته.
٢. أن المعاصي مهلكة لصاحبها في الدنيا والآخرة.
٣. التشويق بذكر العدد قبل تفصيله؛ ليتنبه السامع إلى معرفة هذا التفصيل.
٤. تغليظ حرمة الساحرة لاقتراحه بالشرك.
٥. تعظيم حرمة قتل النفس بغير حق.
٦. التحذير من أكل مال اليتيم بغير حق.
٧. حرمة أكل الربا.
٨. التنفير من التولي والفرار عند مواجهة العدو.
٩. حرمة قذف المحصنات ونحوهن، واتهامهن بغير بينة.

الأسئلة:

١- بيّن معاني الكلمات الآتية:
(اجتنبوا - الموبقات - السحر - الربا)

٢- هل القذف بغير الزنا مراد في الحديث؟ وما حكمه؟ وما سرّ الوصف
بالغافلات؟

٣- اشرح الحديث بأسلوبك

٤- اذكر ثلاثة مما يرشد إليه الحديث.

BANTULAH SAUDARA KAMU, SAMA ADA YANG ZALIM ATAU YANG DIZALIMI

Dari Anas r.a berkata: Rasulullah saw bersabda: Bantulah akan saudaramu yang zalim dan juga yang dizalimi. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah! Memang kami membantu saudara kami yang dizalimi. Bagaimana pula kami meembantu saudara kami yang zalim? . Baginda menjawab: Kamu tahan dan halang dia dari melakukan kezaliman.”

Biodata perawi hadis:

Beliau ialah Anas bin Malik bin Al-Nadr Al-Ansari Al-Khazraji, Abu Hamzah. Berkhidmat dengan Nabi saw. selama 10 tahun. Beliau didoakan oleh baginda mendapat keberkatan pada harta, anak-anak, dan umur yang panjang. Beliau adalah salah seorang golongan Ansur yang paling kaya dan ramai anak. Beliau adalah sahabat yang terakhir meninggal dunia di Basrah pada tahun (93 Hijrah) ketika berusia (103) tahun.

Perbendaharaan kata:

(انصر أخاك) : iaitu saudara dalam Islam

(هذا تنصرة مظلوما) : maksudnya menolong orang yang dizalimi itu adalah perkara yang telah jelas.

(تأخذ فوق يديه) : iaitu kamu menghalangnya dengan kekuatan. dari kezaliman sekiranya dengan kata-kata sahaja tidak dapat menghalangnya. Ini sekiranya kamu mampu melakukannya.

الحديث السابع : انصر أخاك ظالما أو مظلوما

عن أنس رضي الله عنه قال: قال رسول الله ﷺ: انصر أخاك ظالما أو مظلوما، قالوا يا رسول الله، هذا نصره مظلوما، فكيف نصره ظالما؟ قال: تأخذ فوق يديه.

التعريف براوي الحديث:

هو أنس بن مالك بن النضر الأنصاري الخزرجي، أبو حمزة، خدم النبي ﷺ عشر سنين، ودعا له بالبركة في المال والولد وطول العمر، فكان من أكثر الأنصار مالا وولدا، وأطولهم عمرا، وهو آخر من مات من الصحابة بالبصرة سنة ثلاث وتسعين (٩٣ هـ) عن ثلاث ومائة (١٠٣) سنة.

معاني المفردات

انصر أخاك : أي الأخ في الإسلام

هذا تنصرة مظلوما : المراد أن نصر هذا الرجل المظلوم أمر ظاهر

تأخذ فوق يديه : أي تمنعه بالقوة من الظلم إن لم يمتنع بالقول، وذلك إذا كان في

إمكانك

Perbahasan bahasa Arab

(انصر) : “kemenangan” bagi orang Arab dengan erti “membantu”. Ini adalah menamakan sesuatu kepada nama sesuatu yang lain dengan cara majaz mursal. Bentuk ini adalah keindahan bahasa nabi saw dan ketinggian balaghahnya.

(أخاك) dinasabkan sebagai hal bagi maf'ul (مظلوما).

(تأخذ فوق يديه) : iaitu kamu menghalangnya dengan kekerasan. dari penindasan jika dia tidak menahan diri dengan kata-kata, dan itu jika ia boleh bagi kamu

Huraian Hadis:

Sebab datangnya hadis ini dan dalilnya

Sebab datangnya hadis ini disebutkan dalam Sahih Imam Muslim dari Jabir r.a berkata: Telah bergaduh atau berkelahi dua orang budak. Seorang daripada golongan Muhajirin dan seorang lagi daripada golongan Ansar. Telah berkata budak daripada golongan Muhajirin: “Pembelaan untuk Muhajirin”, manakala telah berkata budak daripada golongan Ansar: Pembelaan untuk Ansar”. Lalu Rasulullah SAW keluar dan bersabda: “Dakwaan jahiliah apakah ini?” Mereka berkata: Tidak wahai Rasulullah, melainkan dua hamba ini memukul pada yang lain”. Rasulullah SAW bersabda lagi: “Tidak mengapa, bantulah saudaramu yang zalim dan juga yang dizalimi. Adapun yang zalim itu, bantulah dia dengan cara menegahinya dan yang dizalimi pula bantulah dia (daripada kezaliman)”.

المباحث العربية

انصر : النصر عند العرب بمعنى الإعانة، فهو من باب تسمية الشيء باسم ما يؤول إليه على سبيل المجاز المرسل، وهو من عجيب الفصاحة النبوية، ووجيز البلاغة.

ظالما أو مظلوما : منصوب على الحال من المفعول.

تأخذ فوق يديه : عبر بالفوقية إشارة إلى الأخذ بالاستعلاء والقوة، وهو كناية عن المنع بأي طريق كان .

الشرح

(١) سبب ورود هذا الحديث ودليله

ورد سبب لهذا الحديث في صحيح الإمام مسلم عن جابر رضي الله عنه قال: اقتتل غلامان: غلام من المهاجرين، وغلام من الأنصار، فنادى المهاجر أو المهاجرون: يا للمهاجرين، ونادى الأنصاري: يا للأنصار، فخرج رسول الله صلى الله عليه وسلم، فقال: «ما هذا دعوى أهل الجاهلية» قالوا: لا يا رسول الله إلا أن غلامين اقتتلا فكسع أحدهما الآخر، قال: «فلا بأس ولنصر الرجل أخاه ظالما أو مظلوما، إن كان ظالما فلينهه، فإنه له نصر، وإن كان مظلوما فلينصره».

(2) Orang Islam membantu saudaranya dalam apa jua keadaan? Dan dalilnya.

Orang Islam membantu saudaranya yang zalim adalah dengan mencegahnya dari melakukan kezaliman. Ini membantunya melawan syaitan yang menipudayanya dan juga melawan dirinya sendiri yang menyuruhnya berbuat jahat dan zalim. Disebut dalam riwayat lain: “Apa pendapat kamu wahai Rasulullah, jika dia seorang yang zalim, bagaimana aku boleh membantunya? Baginda menjawab: “Kamu menahannya, atau menghalangnya daripada kezaliman, kerana itulah cara membantunya”. Oleh itu apabila membiarkan ia berbuat zalim ini akan membawa kepada dikenakan hukuman atas kezaliman itu. Maka menghalangnya daripada dikenakan hukuman atas kezaliman itulah cara membantunya.

Orang Islam membantu saudaranya yang dizalimi pada haknya atau hartanya adalah dengan cara menghalang kezaliman terkena kepadanya dengan cara apapun yang termampu. Ini adalah fardu kifayah ke atas orang Islam. Sekiranya seseorang melakukannya maka gugurlah tanggungjawab itu daripada yang lain. Maksud “membantunya” adalah mempertahankannya daripada dizalimi dan menyekatnya daripada terkena kemudaratan.

(3) Pada Awal Hadis menyebut kata-kata daripada beberapa orang, siapakah mereka itu?

Beberapa orang menyebut bahawa orang pertama yang berkata: “Bantulah saudara kamu, sama ada dia berlaku zalim atau dia dizalimi” ialah Jundub bin Al-Anbar bin Amru bin Tamim. Maksud dengan ungkapan itu adalah secara zahir sahaja iaitu kebiasaan yang dilakukan di zaman jahiliah bukan mengikut apa yang Nabi saw menjelaskan

Sedangkan tidak ada lagi sebarang penjelasan selepas keterangan Rasulullah saw ini.

(۲) نصر المسلم لأخيه على كل حال كيف يكون؟ ودليله

إن نصر المسلم لأخيه الظالم يكون بمنعه إياه من الظلم، وهذا من نصره إياه على شيطانه الذي يغويه، وعلى نفسه التي تأمره بالسوء وتطغيه، وقد جاء في رواية أخرى: «أفريت إذا كان ظالماً كيف أنصره؟ قال: «تحجزه، أو تمنعه، من الظلم فإن ذلك نصره»، فهو إذا ترك على ظلمه أداه ذلك إلى أن يقتص منه؛ فمنعه له من وجوب القصاص نصرة له وإعانة.

أما نصر المسلم أخاه المظلوم في حقه أو ماله فيكون بمنع الظلم عنه بكل ما يستطيع من الوسائل، وهو واجب على المسلمين على الكفاية، فإن قام به أحد سقط عن الباقيين، والمقصود من نصره دفع الاعتداء عنه، والحيلولة بينه وبين إلحاق الأذى به.

(۳) ورد صدر الحديث على لسان بعض الناس فمن هو؟

ذكر بعضهم أن أول من قال: «انصر أخاك ظالماً أو مظلوماً» هو جندب بن العنبر بن عمرو بن تميم، وأراد بذلك ظاهره وهو ما اعتاده من حمية الجاهلية لا على ما فسره النبي ﷺ.

ولكن ليس بعد بيان رسول الله ﷺ بيان، وليس بعد تفسيره ﷺ تفسير.

Pengajaran hadis:

1. Nabi saw sangat begitu mengambil berat dalam mendidik umatnya.
2. Galakkan tolong menolong dan saling membantu dalam meghalang kezaliman; demi menjaga keselamatan masyarakat.
3. Meletakkan tanggungjawab dan tugas kepada setiap orang Islam yang mampu mencegah kemudaratan terhadap orang lain sekiranya dia tidak melakukannya.
4. Wajib bagi seorang muslim membantu saudaranya seagama, sama ada yang zalim atau yang dizalimi, mengikut kesesuaian keadaan kedua-duanya.

ما يرشد إليه الحديث:

١. حرص النبي ﷺ على تعليم أمته.
٢. الحث على التعاون والتضامن في دفع المظالم؛ حفظا لسلامة المجتمع.
٣. إلقاء المسؤولية والتبعة على كل مسلم يستطيع منع الضرر عن غيره إذا لم يفعل.
٤. وجوب نصر المسلم أخاه المسلم ظالما كان أو مظلوما بما يناسب كلا منهما.

الأسئلة :

١. بيّن معاني الكلمات الآتية :
(أخاك - تأخذ فوق يديه)
٢. ما نوع المجاز في قوله: "انصر" ، وما إعراب: "ظالما أو مظلوما".
٣. اشرح الحديث بأسلوبك.
٤. اذكر ثلاثة مما يرشد إليه الحديث.
٥. ما سبب هذا الحديث، وما دليله؟.
٦. من الذي ورد على لسانه صدر هذا الحديث، وما معناه عنده؟

MENDAMAIKAN ANTARA MANUSIA

Dari Ummu Kalthum binti Uqbah berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Tidaklah dikira orang yang banyak berdusta, siapa yang mahu mendamaikan antara dua orang yang berselisih, lalu diterbitkan daripadanya segala yang baik-baik atau dia berkata apa yang baik.”*

Biodara Perawi Hadis:

Beliau ialah Ummu Kalthum binti Uqba bin Abu Muait al-Umawiyah, seorang sahabat besar di kalangan wanita yang berhijrah. Beliau memeluk Islam di Mekah dan membai'ah nabi saw. Beliau berhijrah sendirian pada tahun ke-7 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 40 hijrah.

Perbendaharaan kata:

(لَيْسَ الْكَذَّابُ) : Pendusta ialah orang yang mengatakan sesuatu yang lain daripada hakikatnya, dan mengada-adakan sesuatu itu dari dirinya sendiri.

(يُصْلِحُ) : daripada perkataan “pembaharuan” lawannya “kerosakan”. Maksudnya: Bukanlah seorang pendusta yang tercela sekiranya ia ingin mendamaikan antara manusia, malah ia adalah orang yang berbuat kebaikan.

(فَيَنْمِي خَيْرًا) : dikatakan: Saya menyebarkan cerita – saya kembangkannya jika saya menyampaikannya untuk memperbaiki dan mencari kebaikan. Jika saya menyampaikannya untuk tujuan keburukan itu adalah mengadu domba, saya kata: Saya mengadu dombanya

(أَوْ يَقُولُ خَيْرًا) : syak di pihak perawi, maksudnya: seseorang itu memberitahu kebaikan yang dia tahu atau diam dari menyebut kejahatan yang dia tahu.

الحديث التاسع : الإصلاح بين الناس

عن أم كلثوم بنتِ عُقْبَةَ قَالَتْ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «لَيْسَ الْكَذَّابُ الَّذِي يُصْلِحُ بَيْنَ النَّاسِ، فَيَنْمِي خَيْرًا أَوْ يَقُولُ خَيْرًا».

التعريف براوي الحديث:

هي أم كلثوم بنت عقبة بن أبي معيط الأموية، صحابية جلييلة من المهاجرات، أسلمت في مكة وبايعت، وهاجرت وحدها سنة سبع، وتوفيت سنة أربعين من الهجرة.

معاني المفردات:

لَيْسَ الْكَذَّابُ : الكَذَّابُ هو الذي يُخْبِرُ بِالشَّيْءِ بِخِلَافِ مَا هُوَ عَلَيْهِ، وَيَحْتَلِقُ شَيْئًا مِنْ عِنْدِهِ

يُصْلِحُ : من الإصلاح ضد الإفساد والمعنى: ليس الكذاب المذموم الذي يصلح بين الناس بل هذا محسن

فَيَنْمِي خَيْرًا : يقال : نميت الحديث - أنميه إذا بلغته على وجه الإصلاح، وطلب الخير، فإذا بَلَّغْتَهُ على وجه الإفساد والنميمة قلت نَمَيْتُهُ

أَوْ يَقُولُ خَيْرًا : شك من الراوي، ومعنى ذلك بأن يخبر عما علمه من الخير، ويسكت عما علمه من الشر

Perbahasan bahasa Arab:

(الَّذِي يُصْلِحُ بَيْنَ النَّاسِ) : ayat ini di tempat nasab sebagai khabar (ليس), isimnya marfu'.

Huraian Hadis:

(1) Berdusta: hakikatnya dan keburukannya serta apakah yang dimaksudkan dalam hadis ini

Berdusta adalah dosa yang paling jelek, dan keaiban yang paling besar, tetapi ianya tidak dianggap pendusta dan tidak berdosa jika seseorang itu ingin mendamaikan manusia. lalu dia menyatakan kebaikan yang ia tahu dan diam (tidak memberitahu) kejahatan yang ia tahu, atau menyebut kebaikan bukannya kejahatan.

Hadis ini bukan bermaksud menafikan berdusta itu sebenarnya tetapi menafikan dosanya. Dusta itu tetapdusta sama ada bertujuan untuk kebaikan atau lainnya.

(2) Pembohongan yang dibenarkan dan dalilnya. Adakah orang lain juga boleh bersamanya?

Dibolehkan pada beberapa ketika dalam kerosakan kecil yang diharapkan kebaikan itu lebih banyak. Berbohong, walaupun mengandungi kerosakan, namun ianya dibenarkan untuk tujuan kebaikan. Ibnu Shahab al-Zuhri berkata: Aku tidak pernah mendengar dalam sesuatu perkara pun yang diperkatakan oleh orang ramai sebagai dusta melainkan dalam tiga perkara : peperangan, mendamaikan antara manusia dan cerita suami pada isterinya dan cerita isteri pada suaminya.

الَّذِي يُصْلِحُ بَيْنَ النَّاسِ : جملة في محل نصب خبر «ليس»، واسمها مرفوع.

الشرح

(١) الكذب: حقيقته وقبحه والمراد به في هذا الحديث

الكذب من أقبح الذنوب، وأفحش العيوب، ولكن لا يُعَدُّ كَذَابًا ولا يستحق إثم الكذب مَنْ أراد الإصلاح بين الناس فَنَقَلَ وَبَلَّغَ ما علم من الخير، وسكت عما علم من الشر، أو ذَكَرَ خَيْرًا بدلًا من الشر.

ليس المراد في الحديث نفي الكذب ذاته، بل نفي إثمه، فالكذب كذب سواء كان للإصلاح، أو لغيره.

(٢) الكذب الجائز ودليله. هل يدخل معه غيره

وقد يُرَخَّصُ في بعض الأوقات في الفساد القليل الذي يُرْجى منه الإصلاح الكثير، فالكذب وإن كان فيه مفسدة إلا أنه يجوز لغرض الإصلاح، قَالَ ابْنُ شَهَابِ الزَّهْرِيِّ: وَلَمْ أَسْمَعْ يُرَخَّصُ فِي شَيْءٍ مِمَّا يَقُولُ النَّاسُ كَذِبًا إِلَّا فِي ثَلَاثِ الْحُرَبِ، وَالْإِصْلَاحِ بَيْنَ النَّاسِ، وَحَدِيثِ الرَّجُلِ امْرَأَتَهُ، وَحَدِيثِ الْمَرْأَةِ زَوْجَهَا،

Sebahagian ulama mengharuskan berdusta pada tiga perkara ini, dan dikiaskan perkara yang seumpamanya untuk kebaikan, bahkan berdusta itu menjadi wajib seperti jika orang zalim ingin membunuh seseorang yang bersembunyi di sebelahnyamaka dia boleh mengatakan orang tersebut tidak ada dan bersumpah maka ianya tidak berdosa.. Sebahagian ulamak berpendapat dilarang berbohong sama sekali, dan mengulas “berdusta” dalam hadis ini adalah bentuk tauriyah seperti seseorang berkata kepada orang yang zalim, saya berdoa untuk kamu semalam, maksudnya dia berdoa "Ya Allah, ampunilah orang-orang Islam." “dia menjanjikan isterinya hadiah” maksudnya “jika dikehendaki Allah” atau untuk menunjukkan dirinya kuat dalam peperangan walaupun sebenarnya dia lemah.

Pengajaran hadis:

- 1) Rasulullah saw begitu mengambil berat dalam mendidik umatnya.
- 2) Galakan dalam mendamaikan antara manusia dan menghilangkan perbalahan di kalangan mereka.
- 3) Dibolehkan untuk berbohong pada beberapa tempat untuk tujuan memperbaiki keadaan. Cara mendedahkan sesuatu (kebaikan) dan bermain kata-kata (dalam memperbaiki hubungan) itu adalah yang terbaik.
- 4) Panduan untuk mencegah kerosakan dan mendatangkan kebaikan.
- 5) Harus melakukan kemudaratan yang lebih kecil di antara dua kemudaratan dengan menanggung kemudaratan yang sedikit itu ketika keadaan terpaksa..

فأجاز بعض العلماء الكذب في هذه الأمور الثلاثة، ويُقاس عليها أمثالها من كل ما فيه مصلحة، بل قد يكون الكذب واجباً كما لو قصد ظالم قتل رجلٍ مُحْتَفٍ عنده فله أن ينفي وجوده عنده، ويحلف على ذلك ولا يَأْثَم. وذهب بعضهم إلى منع الكذب مطلقاً، وحملوا الكذب المذكور هنا في الحديث على التورية كأن يقول للظالم دعوت لك أمس يعني اللهم اغفر للمسلمين، وبعُدْ امرأته بعطية ويريد إن قدر الله، وأن يظهر من نفسه قوّة في الحرب مع ضعفه.

ما يرشد إليه الحديث:

- (١) حرص النبي ﷺ على تعليم أمته.
- (٢) الترغيب في الإصلاح بين الناس وإزالة الخصومات فيما بينهم.
- (٣) جواز الكذب في بعض المواطن لأجل الإصلاح، والتعريض والتورية أحسن.
- (٤) الإرشاد إلى ما يدفع المفسدة ويجلب المصلحة.
- (٥) جواز ارتكاب أخف الضررين بتحمل أدناهما عند الضرورة.

الأسئلة :

١. بيّن معاني الكلمات الآتية :

(الكذاب - يُصلح - يَنمي)

٢. ما المراد بالكذب في الحديث؟ وهل يرخص فيه؟

٣. اشرح الحديث بأسلوبك.

٤. اذكر ثلاثة مما يرشد إليه الحديث.

SIFAT MALU

Dari Abu Mas'ud ra berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: "Sesungguhnya perkataan yang diwarisi oleh manusia dari perkataan para nabi terdahulu adalah: 'Jika kamu tidak malu, perbuatlah sesuka hati kamu'"

Biodata Perawi Hadis:

Beliau ialah Abu Mas'ud al Badri al Ansori: 'Uqbah bin Amru, yang terkenal dengan nama dan gelarannya. Beliau meninggal pada tahun (40 Hijrah).

Perbendaharaan Kata:

(مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ) : Apa yang telah sampai kepada mereka dan tersebar di kalangan mereka serta bermain dibibir mereka.

(مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ الْأُولَى) : Dari kata hikmah dan syariat para nabi terdahulu yang telah disepati dan menjadi dakwah mereka. Perkara ini tidak dimansuhkan dan tidak pula diubah kerana ianya adalah benar dan telah disepakati tentang kebajikannya. Para nabi yang terdahulu dan yang terkemudian mengikut cara yang sama dalam menganjurkannya

(إِذَا لَمْ تَسْتَحْ) : sifat malu: sifat yang terdapat dalam hati yang mendorong pemiliknyanya melakukan perkara yang terpuji, dan meninggalkan apa yang disesali dan yang mengaibkan. Ini bermaksud jika kamu tidak mempunyai sifat malu yang menghalang kamu daripada melakukan perkara yang buruk

الحديث العاشر : خلق الحياء

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ الْأُولَى إِذَا لَمْ تَسْتَحْ فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ".

التعريف براوي الحديث:

هو أبو مسعود البدرى الأنصارى: عقبه بن عمرو، معروف باسمه وكنيته، وتوفي سنة أربعين (٤٠ هـ).

معاني المفردات:

مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ : ما بَلَغَهُمْ وانتشر فيهم وجرى على ألسنتهم

مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ الْأُولَى : مِنْ حِكْمِ وشرائع الأنبياء السابقين مما اتفقوا عليه ودعوا إليه، ولم يُنسخ ولم يُبدل للعلم بصوابه واتفاق العقول على حسنه؛ فالأولون والآخرون من الأنبياء على منهاج واحد في استحسانه

إِذَا لَمْ تَسْتَحْ : الحياء: صفة في النفس تحمل صاحبها على فِعْلِ ما يُحْمَد، وَتَرْكِ ما يُنْدَمُ عليه ويُعَاب به، أي إذا لم يكن عندك حياء يمنعك من فعل القبيح

Perbahasa bahasa Arab:

(فَاصْنَعْ مَا شِئْتِ) : kata perintah di sini bukan maksud yang sebenar tetapi maksud ancaman dan amaran, iaitu: buatlah apa sahaja. kamu kehendaki daripada apa yang disuruh oleh nafsu jahat kamu, kerana kamu akan diazab kdi atas perbuatan tersebut seperti firman Allah swt: “Lakukanlah apa sahaja yang kamu kehendaki”.

Atau kata perintah itu dengan maksud suatu perkhabaran: Kamu buat apa yang kamu mahu.

Kadang-kadang kata perinta itu menggunakan maksud sebenarnya dan ianya bermaksud harus. Ertinya ialah Jika kamu ingin membuat sesuatu dan ia bukanlah sesuatu yang kamu malu melakukannya sedangkan ianya dibenarkan oleh syarak, maka lakukanlah apa sahaja yang kamu kehendaki dan janganlah kamu malu dengannya, walaupun tindakan itu kebiasanya akan dicela di kalangan masyarakat (yang tidak memahami Islam).

Huraian Hadis:

Orang muslim yang bersifat malu akan mengikuti syariat dan tidak melanggarnya walaupun bertentangan dengan adat

Hadis ini mengandungi dua aspek:

Pertama: Jika kamu tidak malu melakukan perbuatan buruk yang mana orang ramai malu untuk melakukannya, maka buatlah apa sahaja yang kamu kehendaki, tidak ada yang menghalang kamu, Ini bermaksud satu celaan.

Kedua: Jika apa yang kamu lakukan itu adalah sesuatu yang tidak dianggap memalukan pada syarak dan tidak mengurangkan kehormatan seseorang, maka tidak salah kamu melakukannya. Hadis ini di awalnya menyebut “kenabian pertama” sebagai satu peringatan bahawa perkara ini perlu dijaga dan diberi perhatian.

المباحث العربية:

فَاصْنَعْ مَا شِئْتِ: الأمر هنا على غير معناه الحقيقي إلى معنى التهديد والوعيد أي: اصنع ما شئت مما تأمرك به نفسك الأمانة بالسوء فإنك ستعاقب عليه مثل قوله تعالى: ﴿اعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ﴾ (سورة فصلت: ٤٠)

أو يكون الأمر بمعنى الخبر أي: صنعت ما شئت.

وقد يُحمل الأمر على معناه ويكون للإباحة، والمعنى: إذا أردت فعلاً ولم يكن مما يُستَحْيَا من فعله شرعاً فافعل ما شئت ولا تستح منه وإن كان يعاب عليك عُرفاً.

الشرح

(١) المسلم حيي يتبع الشرع فلا يخالفه حتى لو خالف العرف

يحمل معنى الحديث على وجهين:

الأول: إذا لم تستح من فعل القبيح الذي يَسْتَحْيِي منه الناس فاصنع ما شئت فلا رادع لك، ومعناه: التوبيخ.

الثاني: إذا كان ما تفعله مما لا يُسْتَحْيَا منه في الشرع ولا يُنْقِصُ المُرُوَّةَ فلا حَرَجَ عليك. وبدأ الحديث بذكر النبوة الأولى للتنبية على أنّ هذا الأمر مما ينبغي الحرص عليه والاهتمام به.

Pengajaran hadis:

- 1) Rasulullah saw begitu mengambil berat dalam mendidik umatnya.
- 2) Akhlak yang baik adalah antara perkara yang disepakati oleh syariat para nabi.
- 3) Sifat malu adalah perkara yang menghimpunkan budi pekerti yang baik dan cabang-cabang iman.
- 4) Amaran dan ancaman buruk terhadap orang kurang sifat malunya.

ما يرشد إليه الحديث:

- (١) حرص النبي ﷺ على تعليم أمته.
- (٢) إن مكارم الأخلاق من جملة ما اتفقت عليه شرائع الأنبياء.
- (٣) إن الحياء أمر جامع المحاسن الأخلاق وشعبة من شعب الإيمان.
- (٤) التحذير والوعيد على قلة الحياء.
- (٥) مَنْ فَعَلَ مَا لَا يَسْتَحْيَا مِنْهُ شَرَعًا لَمْ يَضُرَّهُ أَنْ يُعَابَ عَلَيْهِ عُرْفًا.

الأسئلة:

١. بين معاني الكلمات الآتية :

(الحياء - من كلام النبوة الأولى)

٢. ما نوع الأمر في قوله ﷺ : "فاصنع ما شئت"؟ وعلام يحمل معنى

الحديث؟

٣. اشرح الحديث بأسلوبك.

٤. اذكر ثلاثة مما يرشد إليه الحديث.

Hadis 12:

BALASAN ORANG YANG MEMUTUSKAN TALI PERSAUDARAAN

Dari Jubair bin Mut'im, dari Nabi saw bersabda: Tidak akan masuk surga seseorang yang memutuskan tali persaudaraan.

Biodata Perawi Hadis:

Beliau ialah Jubair bin Mut'im bin 'Adi al-Qurasyi, seorang sahabat nabi saw yang mahir dalam silsilah orang Arab. Beliau meninggal dunia pada tahun (58 Hijrah).

Perbendaharaan kata:

(قَاطِعٌ): orang yang memutuskan hubungan kekeluargaan, iaitu orang yang memutuskan hubungan kekeluargaan dengan meninggalkan dan memusuhi mereka dan menghalang mereka daripada mendapat kebaikan dan bantuan.

Perbahasan bahasa Arab:

(لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ): Dibuang maf'ul bagi perkataan (قَاطِعٌ) yang dapat difahami secara umum hadis ini. Maksudnya :Sesiapa yang memutuskan semua perkara yang diperintahkan Allah supaya menyambunginya, tetapi terdapat dalam hadis lain: "orang yang memutuskan silaturrahim", maka ianya khas untuk memutuskan hubungan kekeluargaan.

(الجنة) : Tempat penuh kenikmatan di akhirat yang Allah swt sediakan untuk hamba-hamba-Nya yang taat.

الحديث الثاني عشر : عقوبة قطع الرحم

عَنْ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، قَالَ: لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ.

التعريف براوي الحديث:

هو جبیر بن مطعم بن عدي القرشي، صحابي عارف بأنسب العرب، وتوفي سنة ثمان وخمسين (٥٨ هـ).

معاني المفردات:

قَاطِعٌ : قاطع للرحم، وهو الذي يقطعهم بالهجر والمعاداة، ويمنعهم المعروف والمعونة.

المباحث العربية:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ : حَذْفُ مَفْعُولِ «قَاطِعٌ» يَدُلُّ عَلَى عَمُومِهِ أَي: مَنْ قَطَعَ جَمِيعَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوَصَلَ، لَكِنْ جَاءَ فِي حَدِيثٍ آخَرَ: قَاطِعٌ رَحِمٍ فَيُحْمَلُ عَلَى قَاطِعِ الرَّحِمِ خَاصَّةً.

الجنة : دار النعيم في الآخرة أعدها الله للطائعين من عباده.

Huraian Hadis

(1) Amaran terhadap orang yang memutuskan hubungan kekeluargaan dan tidak menyambunginya, serta bagaimana ianya terhalang dari masuk syurga

Hadis ini mengandungi amaran, teguran dan ugutan yang keras bagi mereka yang memutuskan tali persaudaraan. Maksud hadis tersebut boleh ditafsirkan dengan dua cara:

Pertama: Boleh diandaikan kepada orang yang tidak mungkin memutuskan hubungan kekeluargaan tanpa sebab, dan tidak ada kesamaran, walaupun dia tahu bahawa perkara tersebut adalah haram.

Kedua: Dia tidak masuk syurga ketika masuknya orang yang menyambung hubungan kekeluargaan.

(2) Apakah yang dimaksudkan dengan persaudaraan dan apa yang diperolehi dengan menghubungkan atau memutuskannya

Galakan menyambung hubungan kekeluargaan banyak disebutkan dalam ayat dan hadis. Para ulama berselisih pendapat dalam menentukan Rahim (keluarga) yang wajib disambung.

Pendapat pertama: Keluarga itu ialah orang yang diharamkan berkahwin antara keduanya. sekiranya salah seorang dari keduanya, maka haram untuk yang lain juga.

Pendapat kedua: Keluarga itu ialah orang yang dihubungkan dengan harta pusaka.

Pendapat ketiga: Jika ada hubungan kerabat antara seseorang dengan yang lain, sama ada boleh mewarisinya atau tidak.

Hubungan kekeluargaan berlaku dengan perasaan belas kasihan dan kasih sayang, saling nasihat menasihati, berlaku adil dan baik, memberi perbelanjaan kepada keluarga terdekat, mengikuti perkembangan keadaannya. Kesimpulannya: Memberikan kebaikan kepadanya dan menolak bahaya daripadanya mengikut sekadar termampu. Sekurang-kurangnya tahap menghubungkan silaturrahim ialah tidak meninggalkannya dan menghubungkannya dengan kata-kata, walaupun dengan memberi salam.

Terputusnya tali persaudaraan terjadi dengan meninggalkan berbuat baik kepadanya, menyakiti, memusuhi, dan sebagainya.

الشرح

(١) التحذير من قطيعة الرحم وعدم وصلها، وكيف يحرم من دخول الجنة

هذا الحديث فيه وعيد شديد، وزجر وتخويف لمن يقطع رحمه، ويُحْمَلُ معنى الحديث على وجهين:

الأول: يُحْمَلُ على المُسْتَجِلِّ لقطع الرحم بلا سبب، ولا شُبْهة مع علمه بتحريمها
الثاني: أنه لا يَدْخُلُ الجنة في الوقت الذي يَدْخُلُها الواصل رحمه.

(٢) المقصود بالرحم وبم يتحقق وصلها أو قطيعتها

ورد الحثُّ على صلة الرحم في آياتٍ وأحاديثٍ كثيرة، واختلف العلماء في تعريف الرحم التي تجب صلتها فقليل: هي التي يَحْرُمُ النكاح بينهما بحيث لو كان أحدهما ذَكَرًا حَرَّمَ على الآخر.

وقيل: هو من كان متصلًا بميراث. وقيل: من كان بينه وبين الآخر قرابة سواء كان يرثه أو لا.

وتَحْصُلُ صلة الرحم بالتَّراحمِ والتَّوادِّ، والتَّنَاصُحِ، والعَدْلِ والإنصافِ، والإنفاقِ على القريب، تَفَقُّدِ حاله، وبالجملة: إرادة الخير له، ودفع الأذى عنه بحسب الطاقة، وأدنى درجات صلة الرحم ترك الهجر، وصلتها بالكلام ولو بالسلام.

وتحصل قطيعة الرحم بترك الإحسان إليها، والهجر، والإساءة، والمعادة، وغير ذلك.

Pengajaran hadis:

- 1) Rasulullah saw sangat mengambil berat dalam aspek mendidik umatnya.
- 2) Ancaman berat bagi orang yang memutuskan tali persaudaraan.
- 3) Wajib menyambung hubungan persaudaraan.
- 4) Memutuskan tali persaudaraan adalah antara dosa-dosa besar.

ما يرشد إليه الحديث:

- (١) حرص النبي ﷺ على تعليم أمته.
- (٢) الوعيد الشديد لمن قطع رحمه.
- (٣) وجوب صلة الرحم.
- (٤) قطيعة الرحم من الكبائر.

الأسئلة :

١. بيّن معنى كلمة (قاطع).
٢. ما مفعول (قاطع)؟ وما سرّ حذفه؟
٣. ما المراد بقوله ﷺ : " لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ "؟ وعلام يحمل معنى الحديث؟
٤. بِمَ تحصل صلة الرحم وقطيعتها؟
٥. اشرح الحديث بأسلوبك.
٦. اذكر ثلاثة مما يرشد إليه الحديث.

ANTARA TANDA-TANDA IMAN

Daripada al Nukman bin Basyir r.a berkata: Rasulullah saw. bersabda : “Kamu akan melihat orang-orang beriman dari sudut saling menyayangi, -mencintai dan lemah lembut pergaulan mereka adalah seperti satu tubuh badan, apabila salah satu anggota mengadu kesakitan maka anggota-anggota lain turut terkesan dengan tidak boleh tidur dan demam

Biodata perawi hadis:

Al-Nu'man bin Bashir bin Saad bin Tha'labah Al-Ansari, Abu Abdullah Al-Khazraji, Beliau dan ibu bapanya adalah sahabat nabi saw. Menjadi gabenor Homs dibawah pemerintahan Yazid bin Muawiyah, kemudian menjadi gabenor Kufah. Beliau adalah kanak-kanak pertama yang lahir dari kalangan Ansar selepas hijrah nabi saw ke Madinah. Beliau mempunyai 124 hadis, seorang yang fasih. Menjadi gabenor Kufah dan Damsyik, kemudian beliau dibunuh di Homs pada tahun 65 H. Usianya (64) tahun.

Perbendaharaan kata:

(تَرَاحُمِهِمْ) : daripada perkataan (الرحمة) Maksudnya sebahagian mereka mengasihi sebahagian lain dengan persaudaraan Islam bukannya kerana sebab-seba lain.

(تَوَادَّهِمْ) : daripada perkataan (المودة) Maksudnya mereka saling berhubungan yang melahirkan kasih sayang seperti menziarahi dan memberi hadiah

(تَعَاظِفِهِمْ) : daripada perkataan (العطف) Maksudnya tolong-menolong sesama mereka

(تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ جَسَدِهِ) : iaitu anggota lain turut sama merasai kesakitan tersebut.

(السَّهَر) : berjaga malam dan kurang tidur; kerana kesakitan menghalang untuk tidur nyenyak.

(الحُمَّى): suhu badan tinggi yang membahayakan tubuh badan

الحديث الثالث عشر : من علامات الإيمان

عن التُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: تَرَى الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَاحُمِهِمْ وَتَوَادَّهِمْ، وَتَعَاظِفِهِمْ، كَمَثَلِ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى عُضْوًا تَدَاعَى لَهُ، سَائِرُ جَسَدِهِ بِالسَّهَرِ الْحُمَّى.

التعريف براوي الحديث:

النعمان بن بشير بن سعد بن ثعلبة الأنصاري، أبو عبد الله الخزرجي، له ولأبويه صحبة. ولي حمص ليزيد بن معاوية، ثم ولي إمرة الكوفة، وهو أول مولود للأنصار بعد الهجرة. له ١٢٤ حديثًا، وكان فصيحا، ولي الكوفة، ودمشق، ثم قتل بحمص سنة ٦٥ هـ، عاش (٦٤) سنة.

معاني المفردات:

تَرَاحُمِهِمْ : من الرحمة والمراد بأن يرحم بعضهم بعضًا بأخوة الإسلام لا بسبب شيء آخر

تَوَادَّهِمْ : من المودة، والمراد تواصلهم الجالب المحبة كالتزاور والتهادي

تَعَاظِفِهِمْ : من العطف، ويُرادُ به إعانة بعضهم بعضًا

تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ جَسَدِهِ : أي دعا بقية الأعضاء بعضًا إلى المشاركة في الألم

بِالسَّهَرِ : أي: الأرق وعدم النوم؛ لأن الألم يمنع النوم

وَالْحُمَّى : هي الحرارة المرتفعة التي تضر بالبدن

Perbahasan bahasa Arab:

(تَوَادَّهِمْ) : Asalnya adalah dua huruf (د), huruf pertama dimasukkan ke dalam huruf kedua, (التوَادد) wazan (تفاعل) daripada perkataan (المودة) dengan hubungan yang erat antara satu sama lain.

(كَمَثَلِ الْجَسَدِ) : ialah tasybih tamsili, iaitu mengumpamakan sesuatu keadaan dengan keadaan yang lain, di mana keadaan yang terhasil daripada saling kebergantungan antara orang-orang mukmin itu diumpamakan satu badan dan anggotanya. Hubungan setiap anggota dengan anggota yang lain satu tubuh. Setiap anggota akan terkesan. Tujuan perumpamaan ini adalah peringatan tentang besarnya kesan saling mencintai, mengasihi dan menyayangi serta galakan agar bersatu dan saling mengasihi.

(إِذَا اشْتَكَى عَضْوًا) : pelaku bagi perkataan (اشْتَكَى) ialah (seseorang) yang difahami daripada tubuh badan tersebut. Ayatnya: “seperti anggota badan seseorang, apabila salah satu anggota badan itu sakit, anggota lain turut terkesan”. Boleh diandaikan juga ganti nama pada perkataan (اشْتَكَى) itu merujuk kepada tubuh badan.

Huraian hadis:

(1) Perumpamaan orang-orang mukmin antara satu sama lain dari sudut sifat belas kasihannya adalah seperti sebatang pokok, apabila dipukul dahannya, maka bergoncanglah seluruh pokok itu.

Tubuh badan yang diumpamakan dengan orang-orang mukmin itu, apabila sebahagian anggota mengadu kesakitannya, maka seluruh badan akan turut terkesan, seperti pokok apabila dipukul salah satu dahannya, seluruh pokok akan bergerak dan bergoyang.

المباحث العربية:

تَوَادَّهِمْ : أصله بدالين أدغمت الأولى في الثانية، (والتوَادد) تفاعل من المودة بصلة كُـلِّ منهم الآخر.

كَمَثَلِ الْجَسَدِ : تشبيه تمثيلي، وهو تشبيه هيئة بهيئة، حيث شُبِّهت الهيئة الحاصلة من ترابط أفراد المؤمنين بهيئة الجسد وأعضائه، وارتباط كل عضو بالآخر بجامع مشاركة المجموع للفرد، وتأثر كلِّ بالآخر، والغرض من هذا التشبيه هو التنبيه على عظم نتيجة التراحم، والتواد، والتعاطف والحث على الاتحاد والتآلف.

إِذَا اشْتَكَى عَضْوًا : فاعل اشْتَكَى يعود على الشخص المفهوم من الجسد المتقدم، والتقدير : كمثل أعضاء جسد شخص واحد إذا اشتكى هذا الشخص عضواً تداعى له سائر أعضاء جسده، ويحتمل أن يكون ضمير «اشْتَكَى» عائداً إلى الجسد.

الشرح

(١) مثل المؤمنين مع بعضهم في الرحمة كالشجرة إذا ضرب غصن منها اضطربت كلها

مَثَلُ الْجَسَدِ الْمَشَبَّهِ بِهِ الْمُؤْمِنُونَ إِذَا اشْتَكَى بَعْضُهُ اشْتَكَى كُلُّهُ، كَالشَّجَرَةِ إِذَا ضُرِبَ غَصْنٌ مِنْ أَغْصَانِهَا اهْتَزَّتْ الْأَغْصَانُ كُلُّهَا بِالتَّحْرُكِ وَالاضْطْرَابِ.

(٢) بلاغة الرسول ﷺ في اختيار كلمات الحديث وترتيبها

(2) Balaghah Rasulullah s.a.w. dalam memilih dan menyusun kata-kata dalam hadis ini

Antara balaghah Rasulullah s.a.w. ialah pemilihan perkataan (التَّوَادُّ), (التَّرَاحُمُ), (التَّعَاطُفُ) dan menyusunnya mengikut pola yang disebutkan di dalam hadis ini. Perkataan (التَّرَاحُمُ) biasanya adalah dari pihak yang paling tinggi kepada pihak yang paling rendah, perkataan (التَّوَادُّ) pula biasanya adalah dari pihak yang hampir sama kedudukannya dan perkataan (التَّعَاطُفُ) biasanya adalah dari pihak yang paling tinggi kepada pihak yang paling rendah atau sebaliknya. Tiga sifat ini akan mengikat orang yang beriman semuanya bersatu sama ada ketika situasi susah. dan senang.

من بلاغة الرسول ﷺ اختيار لفظ «التَّرَاحُمِ»، ثمَّ «التَّوَادُّ»، ثمَّ «التَّعَاطُفِ» وترتيبها على التَّسَقِّ المذكور؛ فَالتَّرَاحُمُ غالبًا يكون من الأعلى للأدنى، والتَّوَادُّ يكون بين المتقاربين في المكانة غالبًا، والتَّعَاطُفُ يكون من الأعلى للأدنى، وبالعكس، فالأوصاف الثلاثة تربط بين طوائف المؤمنين جميعًا في حالات الشدة والرخاء.

(3) Perkara yang mengembirakan dan menyedihkan orang beriman dan dalilnya

Hadis ini memberi maksud bahawasanya orang mukmin itu akan gembira apabila saudaranya gembira, dan bersedih apabila saudaranya bersedih. Dinyatakan dalam riwayat Muslim : Orang Islam adalah seperti seorang lelaki, apabila matanya sakit, semua anggota yang lain turut terkesan. apabila kepalanya sakit, maka anggota yang lain juga turut terkesan. begitulah manusia sakit apabila sebahagian anggotanya sakit dan ianya menjalar ke seluruh tubuh. Demikian juga orang-orang yang beriman perlu rasa sedih apabila salah seorang daripada mereka ditimpa musibah, mereka hendaklah berusaha menghilangkannya kerana orang-orang mukmin itu bagaikan satu tubuh.

(٣) ما يسر المؤمن ويحزنه والدليل على ذلك

